

Malaysia mampu hasil produk bioteknologi

BH - 6/12/2006

Kerajaan utama pembangunan sumber, modal insan tempatan

Oleh Shamshul Azree Samshir

PUTRAJAYA: Usaha membangunkan industri bioteknologi akan dibuat menerusi pembangunan sumber serta modal insan tempatan dan bukan sekadar menarik pelaburan syarikat terkemuka antarabangsa dalam bidang itu ke negara ini.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan akan menggunakan pendekatan berbeza bagi memajukan bidang itu dengan menumpukan kepada usaha membangunkan syarikat tempatan serta menggalak penyelidikan bioteknologi asas serta gunaannya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga akan menumpukan kepada usaha menggunakan kekayaan sumber semula jadi tempatan sebagai pendekatan dalam misi bioteknologi negara, sekali gus berbeza daripada negara pesaing.

"Mudah untuk menarik syarikat besar dengan memberi mereka insentif tetapi kita bukan membuat itu saja. Kita mahu membangunkan modal insan dan untuk penyelidikan asas serta gunaannya," katanya.

Abdullah berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Panel Penasihat Antarabangsa Mengenai Bioteknologi (BioIAP) ketiga, di sini, semalam.

Mesyuarat turut dihadiri Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Jamaludin Jarjis; Menteri

“Mudah untuk menarik syarikat besar dengan memberi mereka insentif tetapi kita bukan membuat itu saja. Kita mahu membangunkan modal insan dan untuk penyelidikan asas serta gunaannya”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin serta sembilan tokoh bioteknologi dunia yang menganggotai BioIAP.

Mereka termasuk Pengarah Novartis AG Group, Alexandre F Jetzer; Presiden Donald Danforth Plant Science Center, Dr Roger Beachy dan Pengarah Urusan Burrill & Company, Dr Caroline A Kovac.

Pada mesyuarat itu, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bioteknologi Malaysia (BiotechCorp), Iskandar Mizal Mahmood menyampaikan taklimat mengenai kemajuan bidang bioteknologi negara.

Perdana Menteri berkata, pendekatan Malaysia membangunkan bioteknologi berbeza dengan negara seperti Singapura dan beliau yakin kekuatan yang dimiliki membolehkan banyak produk bioteknologi dibangunkan dan dihasilkan di negara ini.

"Dengan kekuatan yang ada, kita boleh mengeluarkan pelbagai produk, membangunkan syarikat dengan kekuatan unik serta pemasaran produk yang ada kelebihan dari segi daya saing," katanya.

Abdullah berkata, anggota BioIAP sependapat pendekatan dan keuta-

maan yang diberi kerajaan dalam bidang bioteknologi serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dapat membantu menjana pembangunan ekonomi negara.

"Kita juga menunjukkan pembangunan dan perkembangan baik terutama berkaitan minyak kelapa sawit dan kejayaan membangunkan bahan api biofuel berasaskan kelapa sawit memberi kekuatan untuk kita bersaing," katanya.

Abdullah berkata, anggota BioIAP juga memberi pandangan yang positif terhadap pendekatan yang diambil kerajaan bagi membangunkan industri bioteknologi di negara ini pada masa depan.

"Saya sangat gembira dalam hal ini kerana pandangan yang diberi positif. Mereka juga menekankan betapa pentingnya kerajaan mesti teruskan dengan komitmen, kalau tidak ada komitmen maka perkembangan yang diharapkan tidak menjadi.

"Kesungguhan berterusan dan kemampuan kita mewujudkan undang-undang serta peraturan yang perlu dari semasa ke semasa akan membolehkan perkembangan bidang ini terus rancak," katanya.